



## TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
(KPKT)**

**Sempena**

**PROGRAM *EXECUTIVE TALK*: PERUNDANGAN  
PERANCANGAN AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN  
DESA 1976 [AKTA 172] BERSAMA PENGURUSAN  
TERTINGGI UNIT PERANCANG EKONOMI (UPE)  
JABATAN PERDANA MENTERI**

<b>Tarikh</b>	<b>: 27 Ogos 2021 (Jumaat)</b>
<b>Masa</b>	<b>: 3.00 petang – 5.00 petang</b>
<b>Platform</b>	<b>: Secara Dalam Talian Aplikasi Webex</b>
<b>Pautan</b>	<b>: <a href="https://signin.webex.com/join">https://signin.webex.com/join</a></b>
<b>No. Mesyuarat</b>	<b>: 184 806 5326</b>
<b>Kata Laluan</b>	<b>: 3ebUHm3fWX7</b>

**Bismillahir rahmanir rahim ...**

Terima kasih Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia, Datuk Saiful Anuar bin Lebai Hussen,**  
Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi.

**Yang Berusaha, Dr. Zunika binti Mohamed**  
Timbalan Ketua Pengarah (Makro)

**Yang Berbahagia, Datuk Yatimah binti Sarjiman**  
Memangku Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)

**Yang Berbahagia, Dato' Ahmad Zamri bin Khairuddin**  
Memangku Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

**Yang Berusaha, Town Planner Geospatialist Dr.**  
**Shamsaini binti Shamsuddin**  
Ketua Pengarah PLANMalaysia

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang**  
**dihormati sekalian.**

## **MUKADIMAH**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama pada petang ini dalam program:

***EXECUTIVE TALK: PERUNDANGAN  
PERANCANGAN AKTA PERANCANGAN BANDAR  
DAN DESA 1976 [AKTA 172] BERSAMA  
PENGURUSAN TERTINGGI UNIT PERANCANG  
EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI.***

2. Program ini bertujuan untuk **memberi hebahan** kepada pengurusan tertinggi Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri berkaitan **peranan, fungsi, dasar dan maklumat perancangan** khususnya melibatkan perkara-perkara berkaitan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

3. Program ini juga bertujuan untuk **meningkatkan kerjasama** di antara KPKT melalui PLANMalaysia dan bahagian serta agensi di bawah Unit Perancang Ekonomi, lebih-lebih lagi **Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang memegang portfolio ekonomi** dan **Ketua Pengarah EPU merupakan ahli Majlis Perancang Fizikal Negara** atau dikenali sebagai MPFN.

4. Selain itu, Bahagian Pembangunan Wilayah di EPU merupakan **ahli mesyuarat utama bagi kajian-kajian yang disediakan oleh PLANMalaysia** seperti Kajian Rancangan Fizikal Negara Ke-4 dan Kajian Perancangan Guna Tanah Sumber Makanan Negara.

5. Untuk makluman para hadirin, program *Executive Talk* Bersama Pengurusan Tertinggi juga telah diadakan di tiga (3) Kementerian iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan pada 08 Julai 2019, Kementerian Kerja Raya pada 30 Januari 2020 dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 12 Jun 2020.

## **PERANAN UTAMA PLANMalaysia, KPKT DENGAN EPU**

6. KPKT melalui PLANMalaysia merupakan penasihat utama kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam hal ehwal perancangan spatial seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 2B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] yang menerangkan mengenai fungsi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa. Antara tanggungjawab Ketua Pengarah PLANMalaysia adalah untuk menjalankan penyelidikan berhubung dengan aspek-aspek perancangan bandar dan desa. Manakala, Unit Perancang Ekonomi bertanggungjawab dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi negara dan pengagihan peruntukan pembangunan (DE).

## **RANCANGAN PEMAJUAN**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Akta 172 telah diberi mandat kepada kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan sistem perancangan dan pembangunan di negara ini berasaskan rancangan pemajuan untuk menyediakan Rancangan Fizikal Negara. Sehingga kini, kerajaan telah menyediakan tiga (3) RFN dan terkini adalah Rancangan Fizikal Negara Ke-4 yang akan diluluskan di Majlis Perancang Fizikal Negara tidak lama lagi. Oleh itu, mohon kerjasama daripada pihak EPU untuk memberi pertimbangan sewajarnya ke atas permohonan bajet bagi projek-projek strategik oleh kementerian atau agensi selaras dengan RFNKe-4.

8. Dasar dan strategi yang digariskan dalam RFN akan diterjemahkan dalam Rancangan Struktur yang merumuskan dasar dan cadangan am Pihak Berkuasa Negeri berkenaan **pemajuan dan penggunaan tanah di peringkat negeri**. Sehingga kini, semua negeri di Semenanjung Malaysia telah mempunyai rancangan struktur yang diwartakan.

9. Manakala, dasar dan cadangan umum yang terkandung di dalam Rancangan Struktur akan diterjemahkan dalam Rancangan Tempatan **kepada bentuk fizikal yang lebih terperinci sehingga ke**

**peringkat lot tanah.** Sehingga kini, terdapat sebanyak (136) Rancangan Tempatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak (106) RT telah diwartakan. Manakala, sebanyak (16) RT dalam proses pewartaan dan (14) RT di dalam proses penyediaan seperti Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah.

10. KPKT melalui PLANMalaysia juga telah menyediakan Dasar Perbandaran Negara dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara untuk **mewujudkan keseimbangan dalam pembangunan mampan di peringkat bandar maupun desa.** Ini dapat memastikan masyarakat desa tidak ketinggalan dalam arus pembangunan semasa.

11. Oleh itu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak EPU kerana telah menetapkan pematuhan dasar dan peraturan umum di dalam Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), supaya cadangan perancangan projek oleh kementerian atau agensi hendaklah selaras dengan Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan. Selain itu, pelaksanaan projek pembangunan yang akan dilaksanakan dalam RMKe-12 oleh kementerian atau agensi, perlu mematuhi seksyen 20B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] berkaitan penyediaan Laporan *Social Impact Assessment* (SIA).

## **AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN (*Sustainable Development Goals, SDG*) DAN DOKTRIN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT**

12. Dalam konteks perancangan dan pembangunan di peringkat antarabangsa, beberapa inisiatif turut diadaptasi oleh setiap peringkat di Malaysia melalui Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDGs*) yang merangkumi 17 matlamat di bawah lima (5) perkara utama iaitu **kemajuan masyarakat, penjagaan bumi, kemakmuran, keamanan dan kerjasama**.
13. Sejak tahun 1995, PLANMalaysia telah merangka **Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat** di mana doktrin ini memberi penekanan kepada hubungan tiga (3) hala iaitu hubungan di antara **Manusia dengan Pencipta, Manusia dengan Manusia, serta Manusia dengan Alam Sekitar** untuk dijadikan sebagai prinsip di dalam penyediaan garis panduan perancangan.

## **KONSEP BANDAR PINTAR (*SMART CITY*) DAN MALAYSIA URBAN OBSERVATORY(MUO)**

14. Seiring dengan kemajuan teknologi melalui ***Internet of Things (IoT)*, Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence)**, dan Teknologi Komunikasi 5G, perubahan kepada **Gaya Hidup Digital** turut mengubah bagaimana sesuatu bandar dirancang dan dibangunkan.

15. KPKT melalui PLANMalaysia telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Konsep Bandar Pintar yang mengandungi tujuh (7) komponen iaitu ***Smart Governance, Smart People, Smart Digital Infrastructure, Smart Economy, Smart Mobility, Smart Living dan Smart Environment***. Pada masa yang sama, *Malaysia Urban Observatory* (MUO) sedang dibangunkan di mana ia **merupakan platform pusat pangkalan data** yang mengaplikasikan sistem maklumat pintar bersepadu bagi pembangunan bandar ke arah pembangunan mampan.

## **PENUTUP**

16. Sehubungan dengan itu, diharap agar perkongsian pada hari ini dapat memberi gambaran dan penjelasan berhubung pemakaian Akta 172 yang mengandungi **12 Bahagian dan 83 Seksyen**. Semoga program seperti ini dapat memberi manfaat dalam meningkatkan pemahaman mengenai perancangan dan pembangunan spatial di Semenanjung Malaysia.

17. Saya mengambil kesempatan untuk **merakamkan penghargaan** di atas kesudian Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan melapangkan masa menghadiri program yang diadakan pada hari ini. Semoga kerjasama dan hubungan di antara KPKT, PLANMalaysia dan Unit Perancang Ekonomi dapat diteruskan dan diperkuuhkan.

**Sekian.**

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA PERANCANGAN  
PLANMalaysia.  
27 Ogos 2021 (Jumaat)**